

POLISI TENAGA **POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

1. Pendahuluan

Polisi ini bertujuan untuk memastikan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) mengambil langkah yang proaktif dan sistematik dalam penggunaan tenaga secara berkesan. Dengan pelaksanaan dasar ini, PSMZA komited untuk mengurangkan jejak karbon, memelihara alam sekitar, dan mengoptimumkan kos operasi.

2. Objektif Polisi

- Menggalakkan amalan penggunaan tenaga yang cekap dan bertanggungjawab.
- Mengurangkan pembaziran tenaga dalam operasi harian kampus.
- Meningkatkan kesedaran dan penyertaan warga kampus dalam inisiatif penjimatan tenaga.
- Menjadikan kampus sebagai model kelestarian tenaga yang boleh dicontohi oleh masyarakat.

3. Langkah-Langkah Kawalan Penggunaan Tenaga

- Suhu penghawa dingin wajib ditetapkan pada suhu $24^{\circ}\text{C} \pm 1^{\circ}\text{C}$ di semua bilik kuliah, pejabat, makmal, dan dewan.
- Penggunaan penghawa dingin dilarang jika bilik mempunyai pengudaraan semula jadi yang mencukupi.
- Waktu operasi penghawa dingin dihadkan kepada waktu pejabat/kuliah sahaja dan perlu dimatikan selepas waktu tersebut.
- Memastikan semua tingkap dan pintu di bangunan yang berhawa dingin sentiasa bertutup rapat bagi mengelakkan kehilangan udara sejuk.
- Semua lampu di dalam bilik mesyuarat dan kuliah mesti dimatikan selepas penggunaan.
- Staf akademik dan pentadbiran digalakkan menggunakan komputer riba (*laptop*) berbanding komputer (*desktop*) kerana lebih cekap tenaga.
- Hadkan jumlah kabel sambungan yang digunakan dalam satu-satu masa.
- Pastikan semua plug dimatikan dan dicabut sebelum meninggalkan pejabat.
- Komputer dan projektor mesti dimatikan selepas tamat sesi pembelajaran atau selepas waktu bekerja.
- Penggunaan mod penjimatan tenaga (*power saving mode*) pada komputer dan mesin pencetak diwajibkan.

4. Tanggungjawab

- Semua kakitangan dan pelajar PSMZA bertanggungjawab mematuhi polisi ini.

5. Penutup

Polisi ini adalah komitmen PSMZA untuk menjadikan penggunaan tenaga lebih cekap dan lestari. Semua warga PSMZA diharapkan dapat memberi kerjasama penuh dalam melaksanakan dan menyokong polisi ini.



HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN.
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN